

IMANIKA - PENGHANTARAN


1 Penetapan oleh Vendor

Navigasi ke laman <https://www.imanika.com> → **Vendor Dashboard** → **Setting** → **Shipping**.

Katakan sebagai contoh, kedai anda terletak di Negeri Selangor, Malaysia, dan produk anda adalah **Cycling Gloves**, jenama **Rockbros**. Katakan, kadar penghantaran untuk item barang dagangan ini seperti yang dipetik oleh **Pos Malaysia** adalah seperti berikut:

- Mana-mana tempat dalam Peninsular Malaysia : RM7.16
- Dari Peninsular Malaysia ke Sabah : RM10.47
- Dari Peninsular Malaysia ke Sarawak : RM9.81

Mungkin anda ingin untuk menetapkan kadar penghantaran bagi negeri-negeri di Malaysia seperti yang ditunjukkan dalam gambar di bawah:



Country	State	Cost
Malaysia	Sarawak	RM 9.81
Malaysia	Sabah	RM 10.47
Malaysia	Everywhere Else	RM 7.16

Pertama, pergi ke bahagian **Ship to** dan pilih negara dari menu untuk **country**. Dalam kes ini Malaysia dipilih. Sebaik sahaja anda memilih negara ini untuk membuat penghantaran, kotak lain bertulis **State** akan muncul untuk anda memilih negeri di mana penghantaran akan dibuat. Klik butang **+** di sebelah kanan kos penghantaran jika anda mahu menambah lebih banyak negeri, atau klik butang **Add Location** pada sudut kanan bahagian bawah kos penghantaran jika anda mahu untuk menambah lebih banyak negara untuk dibuat

pengantaran. Harga pengantaran yang anda masukkan di atas adalah hanya untuk satu produk. Bagaimana pula jika anda mempunyai banyak produk untuk dibuat pengantaran?

Katakan, kos untuk menghantar produk tambahan adalah seperti berikut:

- Kuantiti tambahan produk yang sama : RM1.33 / item
- Produk tambahan tetapi jenis yang berbeza : RM1.33 / item

Anda mungkin ingin mengisi borang pengantaran seperti yang ditunjukkan di bawah:

Shipping Settings → Visit Store

This page contains your store-wide shipping settings, costs, shipping and refund policy.
You can enable/disable shipping for your products. Also you can override these shipping costs while creating or editing a product.

Enable Shipping Enable shipping functionality

Default Shipping Price 0.00

Per Product Additional Price 1.33

Per Qty Additional Price 1.33

Processing Time 1-3 business day

Shipping Policy

Refund Policy

Ships from: Malaysia

2 Apa Yang Pelanggan Lihat

Description **Shipping** Additional information Reviews (0) Vendor Info More Product


Ready to ship in 1-3 business day from Malaysia

Shipping Calculation:


Country --Select Country-- Quantity 1

Get Shipping Cost


Apabila pelanggan menavigasi ke halaman produk (**Cycling Gloves, Rockbros**), dia akan melihat tab baru yang dipanggil **Shipping** bersebelahan dengan tab bertulis **Description**. Apabila dia memilih Negara untuk dibuat penghantaran dari menu jatuh-turun, kotak lain akan terbuka untuk dia memilih Negeri dalam Negara tersebut di mana penghantaran akan dibuat, seperti berikut:




Selepas membuat pemilihan bagi Negeri dan Kuantiti yang diperlukan, pelanggan boleh mencari kos penghantaran dengan klik pada butang **Get Shipping Cost**. Hasilnya adalah seperti berikut:



Satu cara lagi di mana pelanggan boleh menyemak kos penghantaran adalah di laman **Cart**. Katakan pelanggan telah memilih **Cycling Gloves**, jenama **Rockbros** masuk ke dalam Troli. Dia boleh melihat barangan di dalam Troli kelak dengan hanya klik pada butang Troli berwarna biru di bahagian palang atas sebelah kanan. Setelah pelanggan mengklik butang ini, halaman Troli seperti yang ditunjukkan di bawah terbuka:




Jika pelanggan memutuskan untuk menukar jumlah kuantiti yang nak dipesan, dia perlu klik **CART UPDATE** dan klik butang **Calculate shipping cost**. Kos penghantaran baru akan dikira semula setelah pelanggan mengisi alamat penghantaran seperti ditunjukkan di bawah:



3 Bagaimana pula jika Vendor mahu membuat penghantaran percuma kepada pelanggan yang membeli sejumlah kuantiti tertentu produk dalam satu pesanan?

Katakan, Vendor mahu memberi penghantaran secara percuma jika pelanggan membeli 3 atau lebih barangan dalam satu pesanan. Caranya, Vendor perlu meminta Admin untuk membuat penetapan bagi syarat-syarat penghantaran percuma seperti berikut:



Buat masa ini, hanya **Admin** boleh membuat penetapan syarat-syarat penghantaran percuma seperti di atas.

4 Pandangan pelanggan terhadap laman Troli dengan Penghantaran Percuma:

